




DI SEBALIK TABIR

HASLINA KAMALUDIN • FOTO: SHARIFUDDIN ABD RAHIM



Temuan Takdir

Kisah hanya dalam dua hari



"Sebagai penerbit dan pengarah untuk filem ini, saya hanya mahu penonton menikmati karya daripada orang baharu.

"Menerusi Friends To Mankind, kami membuka peluang kepada bakat-bakat baharu untuk mempersembahkan karya mereka. Saya percaya, mereka juga sebenarnya sangat kreatif dan berjaya membuatkan filem ini lain daripada yang lain," katanya kepada Zass.

Jelasnya, biarpun menghadapi cabaran pada saat akhir iaitu dua minggu sebelum penggambaran, semua itu dapat diatasi dengan kecekapan pengkaryanya serta bakat-bakat baharu ini.

"Saya percaya pada mereka. Saya hanya melakukan apa yang sepatutnya, membuka ruang dan peluang kepada



Biarpun ada banyak filem kepolisian yang ditonjolkan oleh penerbit filem tempatan, namun *Temuan Takdir* berbeza. Filem ini mengangkat norma kehidupan sebagai anggota polis itu sendiri di sebalik uniform yang dipakai mereka.

Dihimpunkan pengarah baharu, Dhyhan Vimal, yang juga merupakan Pengasas dan Pengerusi Pertubuhan Sahabat Insan Malaysia (Friends To Mankind).

Di bawah sokongan 'Project Dignity' dibawah Friends To Mankind, filem ini adalah suatu inisiatif untuk berkongsi dan memberi peluang kepada individu yang berminat untuk memaparkan kemahiran dalam terbitan dan produksi filem.

Filem ini menggunakan pendekatan menyerahkan bakat orang baharu di samping pelakon hebat.

Diterbitkan Zazen Design & Production, *Temuan Takdir* dirakamkan di pelbagai lokasi yang menarik dan menakjubkan di



sekitar bandar Kuala Lumpur.

Adegan mendebarakan kejar-mengejar pihak polis dirakamkan di sekitar Putrajaya, Cyberjaya dan Menara Berkembar KLCC.

Manakala sebahagian lagi dirakamkan di kawasan tersembunyi yang jarang diketahui umum di Kuala Lumpur seperti laluan motosikal Pekeliling di bawah Bulatan Pahang.

Selain daripada itu, bangunan terbaharu Ibu Pejabat Polis Daerah Sentul, Masjid Wilayah, hospital berlatar belakang canggih dan terkini, serta rumah yang terbiar di Sentul merupakan sebahagian lokasi yang unik bagi set penggambaran.

mereka.

"Mungkin dengan cara ini, industri filem tempatan akan terus berkembang dengan baik," katanya.

Dalam pada itu, Dhyhan Vimal berkata, filem ini bukan hanya untuk keuntungan semata-mata tetapi lebih kepada projek amal Friends To Mankind.

Temuan Takdir menelan kos perbelanjaan sebanyak RM1.2 juta.

Pembantu kepada hero

Sudah lama industri tidak melihat kelibat pengarah terkenal, Datuk Zahim Bakri. Kali terakhir adalah teater *Puteri Gunung Ledang* dan *Cuci The Musical* di mana beliau bertindak sebagai pengarah.

"Memang agak lama saya tidak berlakon. Saya bekerja sebagai pensyarah filem.

Mendapat tawaran untuk filem ini, saya tidak menolak kerana skrip filem ini bagus dengan jalan cerita agak berbeza dengan kisah kepolisian yang biasa kita dengar.

"Pada mulanya, saya ditawarkan untuk watak pembantu. Tetapi dah baca skrip, lain pula jadinya. Saya menjadi hero pula dengan membawa watak sebagai ACP Tuan Roslan. Begitu juga di set penggambaran. Bertukar. Tapi ia satu pengalaman yang bagus.

"Saya memegang watak penyiasat dan tidak ada berlaku adegan berlawan. Saya berbangga dengan tenaga produksi yang baharu ini kerana mereka komited dan tahu apa yang mahu mereka lakukan," katanya.



DI SEBALIK TABIR



Katanya, filem ini akan membuatkan penonton berfikir mengenai kerjaya polis tidak hanya perlu memegang pistol atau menembak kerana di sebalik uniform ini tersimpan pelbagai rasa.

Peranan besar: Ery Zukhairi

Pelakon yang semakin mendapat tempat, Ery Zukhairi mengakui filem ini banyak menguji kemampuannya sebagai pelakon.

"Saya memang dah lama berlakon.

Mendapat naskhah ini, saya terus terima kerana watak saya lain daripada yang biasa saya bawakan.

"Menjadi inspektor polis yang juga adik kepada ACP Tuan Roslan. Dalam masa sama, saya bercinta. Jadi saya perlu bermain emosi untuk ketiga-tiga

situasi ini," katanya.

Jelasnya, sebagai pelakon perlu mengambil apa sahaja watak sebagai cabaran untuk memantapkan lagi mutu lakonan.

"Saya tidak menghadapi masalah kerana mendapat kerjasama yang baik daripada pelakon dan kru," katanya.

Cubaan pertama

Bagi Azura Zainal, ini merupakan filem Melayunya yang pertama. Mengakui ada beberapa adegan yang begitu susah, namun dengan tunjuk ajar pengarah dan pelakon lain,

perkara itu mudah untuk direalisasikan.

"Dalam filem ini, saya memegang watak sebagai Ros, seorang yang sangat 'gila-gila', sentiasa *happy go lucky*."

"Saya senang bekerja dengan produksi ini kerana semuanya mudah memberi kerjasama," katanya.

Antara adegan yang paling sukar baginya adalah ketika bersama Ery.

"Kami perlu mesra, bermain dengan mata... itulah yang sukar untuk saya.

Entah kenapa, ia sangat sukar bila nak tengok Ery. Tapi, selepas

beberapa dua, tiga kali, semuanya berjalan dengan baik," katanya.

Barisan Pelakon & Kru

- Amal Kamarudin sebagai Omar
- Thanuja Ananthan sebagai Thanuja
- Malleg Abdullah sebagai Faizal
- Kiranjit Kaur sebagai Vasantha

Sinopsis

Mengisahkan dua adik-beradik polis yang berdedikasi iaitu ACP Tuan Roslan dan Inspektor Shariff. Misi mereka adalah memburu *mastermind* di sebalik rompakkan sebuah van sekuriti.

Penyiataan mereka membawa ke arah terbongkar kegatiaran kumpulan 'geng' yang terdiri daripada tiga individu iaitu Omar, Faisal dan Vikram di mana setiap daripada mereka mempunyai agenda tersembunyi yang menyebabkan rancangan mereka tergendala akibat situasi yang tidak diduga. Pencarian polis yang semakin intensif berdasarkan petunjuk membawa mereka menghampiri penyelesaian jenayah yang penuh ketamakan ini.

Akhirnya, panggilan 'Takdir' yang tidak dapat dielak, datang menyeru jua dan setiap manusia perlu menghadapi suratannya. Filem ini ingin mengutarakan persoalan tanggungjawab, kasih sayang dan ikatan kekeluargaan dan bukan sahaja sekadar sebuah filem romantik atau filem aksi semata-mata. Filem ini memberi penonton pengertian yang lebih mendalam terhadap kehidupan anggota polis dan pengorbanan mereka di sebalik seragam 'besi' mereka.

Tuan Roslan lakonan Datuk Zahim Albakri sebagai seorang pegawai polis atasan dan juga watak suami Ain, manakala watak Ain dilakon Vanidah Imran.

Roslan sentiasa memerhatikan adiknya, Shariff (Ery Zukhairi), seorang anggota polis yang sangat berdedikasi dan bersemangat, namun bersikap kepulisif. Inspektor Shariff bakal melamar kekasihnya, Ros (Azura Zainal).

